

Media : Utusan TV

Date : 25 April 2024

Ajinomoto, MAREA jalin kerjasama pupuk amalan kelestarian

Oleh Atiq Mohd. Shah - April 25, 2024



AJINOMOTO (Malaysia) Berhad mengumumkan kerjasama dengan Malaysian Recycling Alliance (MAREA) bagi memperkasakan usaha ke arah memupuk amalan kelestarian di Malaysia.

AJINOMOTO (Malaysia) Berhad mengumumkan kerjasama dengan Malaysian Recycling Alliance (MAREA) bagi memperkasakan usaha ke arah memupuk amalan kelestarian di Malaysia.

Ajinomoto dalam kenyataan memaklumkan objektif utama kerjasama ialah untuk menghasilkan pembangunan dasar yang lebih progresif.

Pada masa sama, katanya, ia juga bagi menyumbang pandangan berwibawa bagi mencipta persekitaran bersesuaian dengan pembangunan dan melaksanakan dasar Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR) lebih efektif di negara ini.

Menurut Ajinomoto, syarikat itu turut berhasrat untuk menjuarai usaha ke arah kelestarian sama ada di Malaysia mahu pun luar negara.

"Di bawah Peta Hala Tuju FY30, Ajinomoto menyasarkan 100 peratus bahan pembungkusan yang boleh dikitar semula.

"Ajinomoto melihat program sukarela EPR sebagai langkah penting serta selari dengan hala tuju Ajinomoto Co. Inc. Jepun untuk mencapai sifar pembaziran plastik menjelang tahun 2030," katanya dalam kenyataan.

Baca artikel lain: Ajinomoto x Le Creuset tawar hadiah RM38,888 sempena Tahun Baharu Cina

Mengulas lanjut, Ajinomoto turut komited untuk memperkasa pihak berkepentingan serta orang ramai selaras dengan 'tiang' ESG Ajinomoto keempat iaitu 'Memperkasakan Masyarakat'.

Jelasnya, ia merangkumi pembekal hingga pekerja, pelanggan dan komuniti tempatan.

Ajinomoto memberitahu, kerjasama dengan MAREA menjanjikan manfaat dan peluang lebih besar dalam memulakan program EPR mahu pun meningkatkan impak sosialnya.

"Secara kesimpulannya, usaha Ajinomoto untuk melaksanakan program EPR ini selari dengan hala tuju yang ditetapkan Ajinomoto Co menerusi Buku Panduan Projek Sifar dan keperluan negara.

"Keputusan syarikat untuk menyertai MAREA adalah langkah penting melaksanakan usaha ini dan memacu amalan kelestarian di negara ini," katanya.



Ruangan Aduan UtusanTV

Artikel Terbaru



Keputusan SPM 2
dikeluarkan 27 Mei
May 9, 2024



Kenanga unjur BN
OPR pada 3.0 peratus
hingga...
May 9, 2024



Sertai kempen PH
Zulkafperi, Abdul...
-